

TIADA DISKRIMINASI GENDER

» *Faktor nilai tambah jadi tarikan majikan memilih pekerja*

Oleh Khairunnisa Kamarudin
nisa.kamarudin@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Sabtu tahun, puluhan ribuan graduan berjaya menamatkan pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT) dengan graduan wanita melebihi berbanding lelaki.

Jumlah graduan wanita yang ramai ini memaksa mereka bersaing hebat dengan graduan lelaki untuk mendapatkan pekerjaan sepadan dengan bekalan ilmu

yang ditimba di IPT.

Persoalannya, sejauh mana persaingan graduan wanita dan lelaki dalam pasaran kerja dan apakah benar wujud sikap sege-lintir majikan yang cenderung memilih graduan lelaki berbanding wanita?

Sejauh mana diskriminasi gender dalam dunia pekerjaan berlaku di negara ini atau apakah hanya membabitkan sektor tertentu.

Bagi graduan Universiti Malaya (UM), Muhd Hanifamie Atong, majikan kini lebih cenderung mencari pekerja mempunyai pelbagai kemahiran (multiskills) berbanding mereka yang memiliki satu kemahiran sahaja. ● V2

Graduan perlu tonjol kelebihan diri

● Dari muka 1

"Sememangnya ada majikan yang berpendapat, pekerja mempunyai pelbagai kemahiran ini hanyalah lelaki sehingga menyebabkan peluang menjadi kecil bagi wanita untuk mendapatkan pekerjaan.

"Hal ini seharusnya tidak berlaku lagi kerana semua graduan diberikan pendedahan yang sama semasa di kolej atau universiti, oleh itu kedua-dua gender seharusnya mempunyai peluang sama-rata," katanya.

Katanya, apa membezakannya adalah faktor nilai tambah yang dimiliki graduan seperti personaliti menarik dan meyakinkan selain kemahiran komunikasi

menjadi tarikan untuk majikan.

Beliau turut berpendapat, setiap graduan juga perlu menguasai kemahiran bahasa khususnya bahasa Inggeris dengan baik selain melengkapkan diri dengan pengetahuan am yang luas.

"Graduan sama ada lelaki atau wanita perlu meningkatkan keyakinan diri masing-masing dan mencari kelebihan untuk ditonjolkan bagi meyakinkan majikan," katanya.

Jadi bonus

Sementara itu, pelajar tahun akhir Universiti Putra Malaysia (UPM), Nurul Husna Osman, berkata faktor majikan memilih bukan persoalan utama, sebaliknya graduan itu sendiri perlu

tahu menonjolkan potensi diri untuk menempatkan diri dalam dunia pekerjaan.

Katanya, kebanyakannya majikan juga tidak menentukan sama ada mereka mahukan wanita atau lelaki dalam iklan jawatan kosong syarikat mereka.

"Bagi saya, majikan hari ini lebih profesional, asalkan graduan ada kelayakan dan memenuhi syarat, tanpa mengira gender pasti akan mendapat peluang bekerja.

"Dalam memilih pekerja, faktor gender bukan ukuran, sebaliknya kelebihan seperti kewibawaan diri, bijak berkomunikasi serta berkeyakinan adalah satu bonus atau ciri yang menarik perhatian majikan," katanya.



“

MAJIKAN HARI INI LEBIH PROFESIONAL, ASALKAN ADA KELAYAKAN DAN MEMENUHI SYARAT, TANPA MENGIKRA GENDER”

**Nurul Husna Osman,
Pelajar UPM**

“

SAMA ADA LELAKI ATAU WANITA PERLU MENINGKATKAN KEYAKINAN DIRI BAGI MEYAKINKAN MAJIKAN”

**Muhd Hanifamie Atong,
Graduan UM**